

09/03/1999

Pas tiada rekod kembangkan syiar Islam: Annuar

KOTA BHARU, Isnin - Pas tidak mempunyai rekod dalam mengembangkan syiar Islam di negara ini selain kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata Pas tidak seharusnya mendabik dada bahawa gerakan Islam di negara ini dipelopori parti itu.

Katanya, kerajaan BN sudah lama melaksanakan gerakan Islam dengan mengadakan pelbagai program pembangunan agama, termasuk pembinaan masjid, sekolah agama dan sistem perbankan Islam.

"Setakat ini, Pas tidak mempunyai rekod ke arah itu sebagaimana yang ditunjukkan oleh Kerajaan BN di seluruh negara," katanya ketika dihubungi di Likas, Sabah, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa tujuan Pas menyertai pilihan raya negeri Sabah kali ini adalah untuk mengembangkan gerakan Islam dan dakwah di negeri itu.

Serentak itu, Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan menolak dakwaan penyertaan Pas dalam pilihan raya negeri itu bertujuan membantu Parti Bersatu Sabah (PBS) mengalahkan Umno.

Annuar berkata, jika Pas benar-benar ikhlas untuk menyebarkan dakwah Islamiah mereka boleh melakukan gerakan itu sepenuhnya di Semenanjung yang mempunyai majoriti Islam.

Beliau menyifatkan kenyataan pemimpin Pas itu sebagai helah politik semata-mata.

"Langkah Pas meletakkan calonnya dalam pilihan raya di Sabah dilihat lebih ke arah memecahbelahkan pengundi Islam di negeri itu, kerana mereka tahu tidak boleh menang," katanya.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kenyataannya sebelum ini menganggap penyertaan Pas dalam pilihan raya negeri Sabah kali ini hanya bertujuan membantu PBS mengalahkan Umno.

Dalam pilihan raya negeri itu, Pas meletakkan calonnya di enam kawasan walaupun gagal memenangi sebarang kerusi melalui tiga calonnya pada pilihan raya lalu.

Mengenai peluang BN dalam pilihan itu, Annuar berkata berdasarkan gerakan jentera pilihan raya dan sokongan yang ditunjukkan rakyat Sabah, BN mempunyai harapan cerah untuk memenangi pilihan raya itu.

(END)